

Susunan Tempat Tinggal dan Kepuasan Hidup Warga Emas: Satu Kajian Kes di Seri Kembangan, Selangor, Malaysia

Living Arrangements dan Life Satisfaction of Older Persons: A Case Study in Seri Kembangan, Selangor, Malaysia

NORISMA AIZA ISMAIL

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau hubungan di antara susunan tempat tinggal dengan kepuasan hidup warga emas. Data dianalisis menggunakan penyelidikan kuantitatif bertajuk Susunan Tempat Tinggal: Implikasi Kepada Kesejahteraan Warga Emas, di bawah pembiayaan Universiti Putra Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa 124 orang warga emas telah berjaya ditemubual. Jenis susunan tempat tinggal warga emas paling ramai di Seri Kembangan adalah tinggal bersama tiga generasi (51.6%), diikuti oleh tinggal bersama dua generasi (32.3%) dan tinggal dalam satu generasi (6.1%). Peratus warga emas wanita yang tinggal bersama tiga generasi adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Sebaliknya peratus warga emas lelaki yang tinggal bersama dua generasi lebih tinggi daripada wanita. Kebanyakan warga emas di sini memperoleh skor kepuasan hidup yang tinggi. Ujian ANOVA menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara susunan tempat tinggal dengan kepuasan hidup warga emas ($F=4.055, p=0.02^$). Warga emas yang tinggal bersama anak mempunyai tahap kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding jenis susunan tempat tinggal yang lain. Walau bagaimanapun, Ujian Regresi menunjukkan bahawa susunan tempat tinggal tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepuasan hidup warga emas tetapi disumbangkan oleh faktor kesihatan, tahap pendidikan, bilangan anak dan sokongan sosial ($R^2=0.223, p=0.000^{**}$). Justeru untuk meningkatkan kepuasan hidup warga emas akan datang, maka usaha ke arah meningkatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, pendidikan yang lebih tinggi, galakkan pasangan untuk memiliki anak yang ramai serta sokongan sosial kepada warga emas perlu diberi perhatian sewajarnya.*

Kata kunci: Susunan tempat tinggal; kepuasan hidup; warga emas; hubungan; kesejahteraan

ABSTRACT

This study aim to explore the relationship between living arrangements dan life satisfaction of older persons. Data was analyzed using quantitative research titled Living Arrangements: Implications for Elderly Well-being, under the funding of Universiti Putra Malaysia. The results showed that 124 older persons were successfully interviewed. The most popular types of living arrangements in Seri Kembangan was older persons living with three generations (51.6%), followed by living with two generations (32.3%) dan lived in one generation (6.1%). The percentage of women older persons living with three generations is higher compared to men. On the other hand, the percentage of older men who live with two generations is higher than women. Most of older persons here have a high satisfaction score. ANOVA test show a significant difference between living arrangements dan life satisfaction ($F=4.055, p=0.02^$). Older persons who live with children have higher level of life satisfaction compared to other types of living arrangements. However, the Regression Test show that living arrangements have no significant relationship with life satisfaction of older persons but are contributed by health factors, education level, number of children dan social support ($R^2=0.223, p=0.000^{**}$). Hence, to increase the future older person's life satisfaction, therefore efforts to increase better health services, higher education, promote couple to have more children dan social support to older persons should be taken into account accordingly.*

Keywords: Living arrangements; life satisfaction; older person; relationship; well-being

PENGENALAN

Menurut Pollen (2001), terma susunan tempat tinggal adalah merujuk kepada struktur isi rumah. Struktur yang dimaksudkan di sini adalah hubungan

antara ahli isi rumah dalam sebuah kediaman. Sehingga kini, terdapat pelbagai kategori atau jenis susunan tempat tinggal yang digunakan dalam sorotan literatur. Fokus di dalam penulisan ini adalah susunan tempat tinggal warga emas.

Berdasarkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations 2005), susunan tempat tinggal warga emas dibahagikan kepada lima jenis iaitu tinggal berseorangan, tinggal bersama pasangan sahaja, tinggal bersama anak (termasuk anak angkat, menantu atau cucu), tinggal bersama saudara-mara dan tinggal bersama mereka yang tiada pertalian keluarga. Dalam Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (2000) pula, istilah isi rumah warga tua digunakan dan diklasifikasi kepada lima jenis iaitu isi rumah perseorangan, isi rumah keluarga asas, isi rumah keluarga luas, isi rumah ahli-ahli bersaudara dan isi rumah ahli-ahli tidak bersaudara. Silverstein, Cong dan Li (2006) pula membincangkan jenis susunan tempat tinggal mereka mengikut generasi.

Oleh yang demikian, susunan tempat tinggal boleh dikategorikan kepada tiga iaitu (i) warga emas yang tinggal dalam satu generasi sahaja, (ii) warga emas yang tinggal bersama dua generasi dan (iii) warga emas yang tinggal dalam tiga generasi. Warga emas yang tinggal dalam satu generasi sahaja adalah warga emas yang tinggal samada secara bersendirian atau bersama-sama pasangan atau bersama individu lain yang sama generasi dengan mereka. Manakala tinggal bersama dua generasi pula adalah warga emas yang tinggal samada dengan ibubapa atau mertua mereka (generasi atas) atau warga emas yang tinggal bersama anak mereka termasuk anak saudara atau anak angkat (generasi bawah). Warga emas yang tinggal bersama tiga generasi pula terdiri daripada warga emas yang tinggal samada bersama ibubapa atau mertua mereka (generasi atas) dan anak-anak mereka (termasuk anak saudara atau anak angkat), atau warga emas dengan anak (termasuk anak saudara/angkat) dan cucu (termasuk cucu saudara/angkat).

Menurut Pala (2005) dan Chen (2001), susunan tempat tinggal adalah komponen penting yang mempengaruhi kesejahteraan warga emas. Pada masa kini, kehidupan warga emas terutama yang tinggal bersama generasi lain semakin mencabar. Arus pemodenan yang disertai dengan kemajuan teknologi dan capaian internet yang pantas dipercayai boleh meningkatkan jurang perbezaan di antara warga emas dan generasi muda. Perbezaan di antara generasi ini dikhuatiri boleh memberi implikasi kepada kepuasan hidup ahli isi rumah khususnya warga emas. Prihatin terhadap golongan warga emas yang kurang aktif dan kebanyakannya mereka sukar meninggalkan kediaman disebabkan faktor fizikal, masalah kesihatan dan sebagainya,

maka mereka cenderung untuk tinggal di dalam rumah berbanding generasi muda yang masih ligat melakukan aktiviti di luar rumah. Justeru, artikel ini berminat untuk meninjau hubungan susunan tempat tinggal warga emas dan tahap kepuasan hidup mereka.

Walaupun terdapat beberapa kajian di Malaysia, namun pendekatan yang digunakan adalah berbeza. Sebagai contoh, terdapat kajian yang memfokuskan kepada sokongan sosial sebagai pemangkin kepuasan hidup warga emas di Malaysia (Kooshiar, Yahaya, Hamid, Samah, dan Jou 2012). Kajian lain pula memberi tumpuan kepada kos, faedah, peluang dan pilihan yang ada di dalam jenis susunan tempat tinggal warga emas (DaVanzo dan Chan 1994). Manakala kajian ini pula akan memfokuskan kepada susunan tempat tinggal warga emas dan kepuasan hidup mereka. Kajian ini diharapkan dapat memperkayakan lagi penerokaan kajian mengenai warga emas di dalam negara.

Pada masa kini, kebanyakan negara luar sedang menggalakkan warga emas tinggal di kediaman mereka sendiri. Konsep ini dikenali sebagai “Penuaan setempat” (*Ageing in place*) (Sixsmith dan Sixsmith 2008). Tindakan ini bukan sahaja boleh memberi keselesaan kepada warga emas, tetapi lebih penting lagi ianya dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan terutama dari aspek perubatan dan penjagaan (Brick dan Lowenstein 2011). Menyedari akan faedah promosi “penuaan setempat” ini, Malaysia juga bakal melaksanakan tindakan sedemikian. Walau bagaimanapun, keadaan di negara luar mungkin berbeza dengan negara ini. Di negara luar kebanyakan warga emas tinggal bersendirian atau bersama pasangan masing-masing. Mereka juga dibantu oleh kumpulan profesional yang berfungsi dalam memberi sokongan hidup untuk membolehkan mereka terus berdikari. Maka tidak hairanlah sekiranya dapatan kajian menunjukkan bahawa warga emas yang tinggal bersendirian atau bersama pasangan mereka mempunyai kepuasan hidup lebih tinggi berbanding mereka yang tinggal bersama generasi lain. Di Malaysia, jenis susunan tempat tinggal warga emas adalah pelbagai yang mana masih ramai warga emas tinggal dalam beberapa generasi. Sokongan daripada pihak profesional pula amat terhad. Oleh itu tahap kepuasan hidup warga emas di dalam negara kita mungkin berbeza dengan dapatan kajian di negara lain. Selain itu, kajian ini juga akan menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah jenis susunan tempat warga emas yang terdapat di kawasan Seri Kembangan?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis susunan tempat tinggal warga emas dengan kepuasan hidup mereka?
3. Jenis susunan tempat tinggal manakah yang memberi kepuasan hidup yang lebih tinggi kepada warga emas?
4. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan hidup warga emas di Seri Kembangan?

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI SUSUNAN TEMPAT TINGGAL

Faktor sosioekonomi dan demografi yang berbeza didapati boleh memberi kesan terhadap kos, faedah, peluang, dan kecenderungan pilihan susunan tempat tinggal (Chu, Xie dan Yu 2011; DaVanzo dan Chan 1994; Martin 1989). DaVanzo dan Chan (1994) mendapatkan hampir dua pertiga warga emas Malaysia tinggal bersama anak-anak. Warga emas berkahwin cenderung tinggal bersama anak dewasa apabila kos kediaman mereka tinggi atau apabila warga emas mempunyai kesihatan tidak baik. Warga emas yang berkahwin dan tinggal bersama anak boleh menjimatkan kos hidup atau menerima bantuan kerja rumah daripada ahli. Sebaliknya warga emas yang tidak berkahwin dan mempunyai kewangan yang kukuh didapati kurang tinggal bersama anak disebabkan mereka sanggup menggunakan wang yang ada untuk membeli privasi.

Dalam kalangan individu berkahwin, sokongan seperti melakukan kerja-kerja rumah biasanya dibantu oleh pasangan, sebaliknya mereka yang tinggal bersama individu lain lebih cenderung untuk menerima bentuk dan sumber sokongan lain seperti teman berbual dan bantuan kecemasan (United Nations 2005). Kajian lain pula mendapati warga tua yang kematian pasangan lebih sensitif kepada pendapatan keselamatan sosial (*social security income*), atau dengan kata lain, mereka cenderung untuk memperoleh pendapatan bagi meneruskan hari tua mereka. Manakala warga tua bercerai pula lebih tertumpu kepada tahap faedah yang akan diperolehi daripada susunan tempat tinggal baru (Engelhardt, Gruber dan Perry 2002). Individu yang bercerai di usia tua besar kemungkinan akan mengalami sedikit kesukaran untuk mendapatkan keperluan asas yang selama ini dikongsi bersama. Sebagai contoh, isteri yang selama ini bergantung hidup dengan suami pastinya akan mengalami kesukaran untuk mendapatkan tempat tinggal dan

belanja harian sekiranya mereka tidak mempunyai simpanan sendiri. Oleh yang demikian bantuan atau sokongan daripada sesiapa terutama isi rumah baru diperlukan untuk menyokong kehidupan mereka akibat daripada perceraian tersebut. Bantuan dan sokongan yang diterima daripada ahli isi rumah ini pastinya akan mempengaruhi kepuasan hidup mereka.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEPUASAN HIDUP WARGA EMAS

Menurut Danrew dan Withey, kepuasan hidup merupakan salah satu komponen kognitif yang digunakan untuk mengukur kesejahteraan subjektif (Danrews dan Withey 1976 dalam Pavot, Diener, Colvin dan Sdanvik 1991). Justeru, kajian ini menggunakan variabel kepuasan hidup untuk menggambarkan kesejahteraan warga emas secara subjektif.

Pala (2005) dan Chen (2001) menyatakan bahawa susunan tempat tinggal adalah komponen penting yang mempengaruhi kesejahteraan warga tua. Dapatkan kajian lepas juga menunjukkan warga emas yang tinggal bersama tiga generasi atau cucu mempunyai kesejahteraan psikologi yang lebih baik berbanding warga emas yang tinggal dalam satu generasi sahaja. Ini dikaitkan dengan pelbagai bentuk bantuan yang diterima daripada anak dewasa mereka. Malah kesepadan emosi di antara warga emas dengan anak dikatakan akan meningkatkan lagi kesejahteraan hidup warga emas. Anak dewasa (kebanyakannya lelaki) juga merupakan tuggak utama harapan ibubapa untuk bergantung hidup samada dari segi kewangan dan sokongan yang lain (Silverstein, Cong dan Li 2006).

Wanita yang tinggal bersama anak lelaki yang telah berkahwin pula didapati mempunyai kepuasan hidup, kendiri dan persepsi kesihatan yang lebih baik berbanding jenis susunan tempat tinggal yang lain (An, An, O'connor, dan Wexler 2008). Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan warga emas yang tinggal bersama anak dan yang tinggal bersama pasangan mempunyai kepuasan hidup yang lebih baik berbanding warga emas yang tinggal bersendirian (Kooshiar, Yahaya, Hamid, Samah, dan Jou 2012). Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Lowenstein dan Katz (2005) adalah sebaliknya. Hasil kajian mereka mendapati warga emas yang hidup sendirian mempunyai kepuasan hidup lebih tinggi berbanding mereka yang tinggal bersama keluarga. Perbezaan dapatkan kajian-kajian

di atas menunjukkan bahawa, jenis susunan tempat tinggal dan kepuasan hidup tidak konsisten. Oleh yang demikian, kajian ini ingin melihat samada warga emas yang tinggal dalam pelbagai generasi di Seri Kembangan mempunyai kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding warga emas yang tinggal dalam satu generasi atau sebaliknya.

Menurut Abu-Bader, Rogers, dan Barusch (2003); Lohr et al. (1998); McCamish-Svensson et al. (1999); Lowenstein dan Katz (2005), persepsi diri mengenai kesihatan merupakan peramal (*predictor*) penting kepada kepuasan hidup. Dapatkan kajian ini turut menyokong kajian di Hongkong yang mana mereka juga mendapati kesihatan merupakan faktor paling penting kepada kepuasan hidup warga emas di sana (Ho et al. 1995). Begitu juga dengan kajian yang dilaksanakan di Korea. Dapatkan kajian mereka menunjukkan bahawa kesihatan fizikal dan psikologi mempunyai hubungan signifikan dengan kepuasan hidup. Manakala kepuasan hidup pula mempunyai hubungan signifikan dengan jenis susunan tempat tinggal, status ekonomi dan status perkahwinan (Kim 1998 dalam An et al. 2008).

Mengikut Hong dan Giannakopoulos (1994) Depresi, marah dan lokus kawalan mempunyai hubungan dengan kepuasan hidup lelaki dan perempuan. Harga diri dan depresi didapati memberi kesan yang lebih kepada tahap kepuasan berbanding variabel lain. Malah harga diri yang rendah dan depresi boleh memberi kesan negatif kepada kepuasan hidup dan kesihatan fizikal dalam kalangan warga emas perempuan (Kim dan Park 2000; K.-H.Park dan Han 2002; S.-Y.Park dan Choi 1985 dalam An, An, O'connor dan Wexler 2008). Kajian seterusnya pula mendapati bahawa wanita pertengahan usia membuat penilaian kepuasan hidup dengan melihat kepada aspek dalaman dan kerohanian. Mereka cuba membina kehidupan yang lebih bermakna, lebih tenang dan diredhai (Zakaria, Kadir, dan Subhi 2017).

TEORI KAJIAN

Kajian ini menjadikan Teori Sosiologi Keluarga sebagai asas kepada kajian. Teori ini menyebut bahawa warga emas yang mempunyai ciri-ciri moden cenderung untuk tinggal berasingan daripada tinggal bersama anak-anak yang sudah berkahwin dan hanya memilih untuk tinggal bersama anak lelaki paling tua sahaja (Tsuya dan Martin 1992). Teori Asas Pemodenan pula menjangkakan bahawa warga emas di luar bandar lebih cenderung tinggal dalam persekitaran tradisional iaitu tinggal di

dalam pelbagai generasi. Tinggal di bandar pula berkait rapat dengan pelepasan anak dewasa (*adult offspring*) (DaVanzo dan Chan 1994).

Di samping itu, dapatan kajian lepas juga mendapati sokongan sosial merupakan penyumbang penting kepada kepuasan hidup warga emas (Kooshiar, Yahaya, Hamid, Samah, dan Jou 2012). Malahan sokongan sosial, penghargaan kendiri dan kesyunyan didapati turut menjadi faktor penyumbang kepada kepuasan hidup wanita pertengahan usia (Zakaria, Kadir, Subhi, dan Ismail, (2015). Oleh yang demikian, kajian ini turut menggunakan teori sokongan sosial sebagai asas kajian ini. Mengikut Hupcey (1998), terdapat pelbagai definisi sokongan sosial. Walau bagaimanapun, ciri-ciri yang digunakan hampir sama iaitu interaksi positif atau tingkahlaku membantu untuk seseorang yang memerlukan bantuan atau sokongan. Teori ini menekankan struktur dan interaksi dalam perhubungan. Mengikut Rostam dan Ismail (1997), jenis rumah kediaman dan pemilikannya beserta dengan boleh ubah sosioekonomi yang lain mempunyai hubungan yang signifikan dengan pola interaksi sosial penghuni berkenaan. Dengan kata lain, Warga emas yang mempunyai interaksi dan hubungan yang kuat dengan individu lain berpotensi untuk menerima bantuan dan sokongan sosial. Sokongan sosial yang kuat ini boleh meningkatkan kesihatan dan mengurangkan kesan negatif terhadap tekanan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan data daripada kajian bertajuk "Susunan Tempat Tinggal: Implikasi Kepada Kesejahteraan Warga Tua. Kajian ini telah dilaksanakan pada tahun 2012 di bawah pembiayaan Universiti Putra Malaysia, (Malaysia). Penyelidikan ini dilaksanakan di Seri Kembangan, Selangor menggunakan kaedah kuantitatif. Seri Kembangan dipilih kerana terletak berhampiran dengan Universiti Putra Malaysia dan jarak kilometer dari Kuala Lumpur adalah kira-kira 25 kilometer. Banci semasa menunjukkan bahawa jumlah warga emas berumur 60 tahun dan ke atas di kawasan ini adalah seramai 3126 orang.

Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan berperingkat. Pada peringkat pertama, penyelidik telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Perangkaan Malaysia untuk mengenalpasti bilangan peta kawasan dikenali sebagai Blok Penghitungan (BP) di Seri Kembangan, Selangor. Didapati bahawa

sebanyak 124 BP terdapat di Seri Kembangan Selangor di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Pada peringkat kedua, sebanyak 12 BP (10%) daripada keseluruhan BP tersebut telah dipilih mengikut jumlah warga emas paling tinggi di Seri Kembangan, Selangor. Pemilihan ini telah dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pada peringkat ketiga, sejumlah 25 orang warga emas di dalam setiap BP terpilih itu akan ditemubual oleh enumerator yang dilantik menggunakan kaedah snowball. Mereka akan ditemubual secara bersemuka menggunakan borang soal selidik. Dianggarkan seramai 300 orang warga emas akan ditemubual dalam kajian ini. Walau bagaimanapun kerjasama yang diperolehi daripada warga emas didapati amat rendah. Hanya 124 (41.3%) orang warga emas sahaja yang berjaya ditemubual. Faktor bahasa (Hakka dan Tamil) didapati menjadi penghalang utama kepada kejayaan pengumpulan data kajian ini.

PENGUKURAN VARIABEL

Variabel bergantung dalam kajian ini terdiri daripada kepuasan hidup warga emas yang diukur menggunakan 5 pernyataan Skala Kepuasan Hidup (SWLS) oleh Pavot dan Diener (1991). Instrumen ini kemudian telah diubahsuai skalanya daripada 7 kepada 5 (1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, Neutral, 4=setuju dan 5= sangat setuju). Nilai Cronbach Alpha adalah 0.874 yang menunjukkan satu nilai yang baik dan skor SWLS yang konsisten. Skor minimum adalah lima dan skor maksimum adalah 25. Semakin tinggi skor yang diperolehi membawa maksud semakin tinggi kepuasan hidup yang dicapai dan sebaliknya. Instrumen ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu bagi menyesuaikannya dengan bahasa penduduk tempatan.

Variabel tidak bergantung dalam kertas ini terdiri daripada latar belakang responden, jenis susunan tempat tinggal dan sokongan yang diterima oleh responden. Soalan-soalan tersebut ditanya secara objektif dan berbentuk soalan terbuka iaitu bergantung kepada kesesuaian variabel.

Dalam kajian ini, jenis susunan tempat tinggal telah dikategorikan kepada tiga jenis menggunakan kaedah *concatenate*. Jenis-jenis susunan tempat tinggal tersebut adalah seperti senarai di bawah:

1. Tinggal bersama satu generasi sahaja (termasuk tinggal bersendirian/ bersama pasangan sahaja/ ada adik beradik/saudara-mara/kawan) yang sama generasi.

2. Tinggal bersama generasi kedua (samada tinggal bersama ibubapa atau mertua (generasi atas) atau tinggal bersama anak/dan menantu termasuk anak saudara atau anak angkat (generasi bawah), dan
3. Tinggal bersama generasi ketiga iaitu warga emas yang tinggal bersama ibubapa dan anak (generasi atas) atau warga emas bersama anak (termasuk anak saudara atau anak angkat) dan cucu (termasuk cucu saudara atau cucu angkat), juga termasuk mereka yang langkau generasi seperti tinggal bersama cucu tanpa anak atau menantu).

Maklumat kajian telah dianalisis menggunakan program SPSS versi 22. Analisis diskriptif telah dilaksanakan kepada kesemua variabel yang dikaji. Manakala analisis terperinci telah dilakukan kepada variabel tertentu termasuklah perkaitan di antara susunan tempat tinggal warga emas dengan kepuasan hidup mereka.

HASIL KAJIAN

Jadual 1.0 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, responden terdiri daripada 54.8% wanita dan 45.2% lelaki. Paling ramai (56.5%) adalah daripada etnik Cina, diikuti dengan Melayu (23.4%) dan India (20.2%). Sejumlah 53.2% responden berumur 69 tahun ke bawah dan selebihnya berumur 70 tahun ke atas dengan purata umur 69 tahun. Hampir 48% daripada warga emas ini mendapat pendidikan diperingkat sekolah rendah, 35.5% tidak pernah bersekolah dan 16.9% berpendidikan menengah ke atas. Status perkahwinan menunjukkan bahawa sejumlah 56.5% responden mempunyai pasangan (berkahwin), dan 43.5% tidak mempunyai pasangan iaitu samada disebabkan oleh tidak pernah berkahwin, bercerai, atau kematian pasangan. Purata jumlah anak yang dimiliki adalah seramai 4 orang. Susunan tempat tinggal pula mendapati 51.6% responden tinggal bersama tiga generasi, diikuti oleh dua generasi (32.3%) dan satu generasi (6.1%). Kebanyakan responden yang tinggal bersama tiga generasi adalah warga emas wanita (63%) berbanding lelaki yang ternyata lebih ramai tinggal bersama dua generasi (41%). Purata saiz isi rumah adalah seramai 5 orang. Sejumlah 35.5% daripada responden menyatakan status kesihatan mereka tidak baik. Selebihnya adalah baik (52.4%) dan sangat baik (12.1%). Dari segi pendapatan pula, 95.2% responden berada dalam kumpulan bawah 40 peratus (B40), 4.0%

dalam kumpulan 40 peratus pertengahan (M40) dan hanya 0.8% berada dalam kumpulan 20 peratus teratas (T20). Purata pendapatan responden adalah sebanyak RM1129.

Daripada 25 jenis sokongan sosial yang disenaraikan, hanya 6.5% warga emas di Seri Kembangan tidak menerima sebarang sokongan daripada mana-mana pihak, 25.8% menerima satu hingga sepuluh sokongan sosial, 40.3% responden menerima sebelas hingga dua puluh jenis sokongan,

dan 27.4% menerima lebih dua puluh satu jenis sokongan.

Ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa daripada 10 variabel yang dikaji, hanya empat variabel sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan jenis susunan tempat tinggal iaitu saiz isi rumah ($\chi^2=80.502$, $p=0.000^{**}$), status perkahwinan ($\chi^2=32.296$, $p=0.000^{**}$), bilangan anak ($\chi^2=22.403$, $p=0.000^{**}$) dan jantina ($\chi^2=8.178$, $p=0.017^{*}$).

JADUAL 1. Latar belakang responden mengikut jenis susunan tempat tinggal

Variabel	Jenis susunan tempat tinggal			
	Satu generasi	Dua generasi	Tiga generasi	Jumlah
Jantina ($\chi^2=8.178$, $df=2$, $p=0.017^{*}$)				
Lelaki	12	23	21	56 (45.2%)
Perempuan	8	17	43	68 (54.8%)
Etnik ($\chi^2=5.913$, $df=4$, $p=0.206$)				
Melayu	2	14	13	29 (23.4%)
Cina	14	20	36	70 (56.5%)
India	4	6	15	25 (20.2%)
Umur ($\chi^2=5.943$, $df=4$, $p=0.203$; Min = 69 tahun)				
60-69 tahun	12	25	29	66 (53.2%)
70-79 tahun	7	14	26	47 (37.9%)
80 tahun ke atas	1	1	9	11 (8.9%)
Tahap pendidikan ($\chi^2=6.187$, $df=4$, $p=0.186$)				
Tidak pernah bersekolah	10	9	25	44 (35.5%)
Pendidikan rendah	8	21	30	59 (47.6%)
Pendidikan menengah dan ke atas	2	10	9	21 (16.9%)
Status perkahwinan ($\chi^2=32.296$, $df=4$, $p=0.000^{**}$)				
Tidak pernah berkahwin	3	0	1	4 (3.2%)
Mempunyai pasangan (Berkahwin)	11	34	25	70 (56.5%)
Bercerai dan kematian pasangan	6	6	38	50 (40.3%)
Bilangan anak ($\chi^2=22.403$, $df=4$, $p=0.000^{**}$; Min = 4 orang)				
Tiada	4	0	0	4 (3.2%)
1-4 orang	10	19	33	62 (50%)
> 5 orang	6	21	31	58 (46.8%)
Saiz isi rumah ($\chi^2=80.502$, $df=6$, $p=0.000^{**}$; Min = 5 orang)				
Seorang	5	0	0	5 (4.0%)
2-3 orang	15	21	6	42 (33.9%)
4-5 orang	0	15	25	40 (32.3%)
> 6 orang ke atas	0	4	33	37 (29.8%)

bersambung ...

sambungan ...


Kategori pendapatan ($\chi^2=8.963$, df=4, p=0.062; Min = RM1129)

T20	1	0	0	1 (0.8%)
M40	2	0	3	5 (4.0%)
B40	17	40	61	118 (95.2%)
Status kesihatan ($\chi^2=2.631$, df=4, p=0.621)				
Sangat baik	2	4	9	15 (12.1%)
Baik	8	23	34	65 (52.4%)
Tidak baik	10	13	21	44 (35.5%)
Sokongan sosial ($\chi^2=7.718$, df=6, p=0.260; Min = 14.3)				
Tiada sokongan	2	2	4	8 (6.5%)
1-10 sokongan	9	7	16	32 (25.8%)
11-20 sokongan	7	17	26	50 (40.3%)
> 21 sokongan	2	14	18	34 (27.4%)
Jumlah	20 (16.1%)	40 (32.3%)	64 (51.6%)	124 (100%)

**Signifikan pada nilai p=0.001; *Signifikan pada nilai p=0.005

Rajah 1 menunjukkan peratus responden mengikut jumlah skor kepuasan hidup warga emas di Seri Kembangan menggunakan Skala Kepuasan Hidup (SWLS). Jumlah skor yang boleh diperolehi responden adalah di antara 5 (minimum) hingga 25 (maksimum), yang mana semakin tinggi skor diperolehi bermaksud semakin tinggi kepuasan hidup yang diperolehi warga emas. Kajian ini


menunjukkan bahawa jumlah skor minimum yang diperolehi responden adalah 7. Paling ramai (24.2%) responden memperoleh skor 20 iaitu menghampiri skor maksimum dan 6.5% memperolehi skor penuh iaitu 25. Purata skor kepuasan hidup responden adalah sebanyak 18.23, bermaksud kebanyakan warga emas di Seri Kembangan mempunyai tahap kepuasan hidup yang tinggi.



RAJAH 1. Peratus responden Mengikut Jumlah Skor Kepuasan Hidup Mereka

Rajah 2 menunjukkan purata skor kepuasan hidup warga emas mengikut jenis susunan tempat tinggal. Hasil kajian menunjukkan bahawa purata skor yang diperolehi warga emas yang tinggal bersama dua generasi adalah paling tinggi (18.9) berbanding skor kepuasan hidup yang diperolehi

oleh warga emas yang tinggal dalam satu generasi (16.3) dan tiga generasi (18.4). Ini menunjukkan bahawa warga emas di Seri Kembangan yang tinggal bersama dua generasi mempunyai tahap kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding warga emas yang tinggal dalam satu generasi dan tiga generasi.



RAJAH 2. Purata Skor Kepuasan Hidup (SWLS) Mengikut Jenis Susunan Tempat Tinggal

Ujian T dan Analisis ANOVA satuhala di bawah pula menunjukkan perbandingan min antara sebelas variabel terpilih dengan skor kepuasan hidup (Jadual 2). Hasil kajian mendapati variabel yang mempunyai perbezaan min yang signifikan dengan kepuasan hidup terdiri daripada status kesihatan ($F=7.318$, $p=0.001^{**}$), bilangan anak ($F=5.794$, $p=0.004^*$), tahap pendidikan ($F=4.358$, $p=0.015^*$), susunan tempat tinggal ($F=4.055$, $p=0.020^*$) dan sokongan sosial ($F=2.805$, $p=0.043^*$). Nilai min tertinggi diperolehi responden terdiri daripada mereka yang mempunyai persepsi kesihatan yang

baik (19.14), tinggal dalam dua generasi (18.93), memperolehi lebih 21 jenis sokongan (18.91), mempunyai bilangan anak melebihi 5 orang (18.69), dan berkahwin (18.37). Ini menunjukkan bahawa responden yang mempunyai persepsi kesihatan yang baik cenderung memiliki kepuasan hidup yang lebih tinggi, begitu juga dengan warga emas yang mempunyai pasangan, memiliki bilangan anak yang ramai, tinggal bersama anak dan memperolehi sokongan sosial yang banyak didapati memperoleh skor kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding kumpulan warga emas yang tidak memiliki ciri-ciri yang disebutkan ini.

JADUAL 2. Perbandingan min di antara variabel terpilih dengan skor kepuasan hidup

	Variabel	Kepuasan hidup (SWLS)	
		M	SD
Jantina ($t=-1.268$, $p=0.207$)			
Lelaki		17.79	2.60
Perempuan		18.59	4.10
Etnik ($F=0.248$, $p=0.781$)			
Melayu		18.52	1.35
Cina		18.24	3.96
India		17.84	3.99

bersambung ...

sambungan ...

Umur (F=0.656, p=0.521)			
60-69 tahun	17.98	3.79	
70-79 tahun	18.32	3.20	
80 tahun ke atas	19.27	3.10	
Tahap pendidikan (F=4.358, p=0.015*)			
Tidak pernah bersekolah	17.07	4.31	
Pendidikan rendah	18.64	2.54	
Pendidikan menengah dan ke atas	19.48	3.50	
Status perkahwinan (F=1.772, p=0.174)			
Tidak pernah berkahwin	15.00	8.49	
Mempunyai pasangan (Berkahwin)	18.37	3.11	
Bercerai dan kematian pasangan	18.28	3.48	
Bilangan anak (F=5.794, p=0.004*)			
Tiada	12.75	5.91	
1-4 orang	18.15	3.56	
> 5 orang	18.69	2.99	
Saiz isi rumah (F=1.701, p=0.170)			
Seorang	15.2	0.45	
2-3 orang	18.07	3.80	
4-5 orang	18.18	3.56	
> 6 orang ke atas	18.86	3.22	
Kategori pendapatan (F=1.407, p=0.249)			
T20	15.0	0	
M40	20.40	4.45	
B40	18.16	3.47	
Status kesihatan (F=7.318, p=0.001**)			
Sangat baik	18.80	2.48	
Baik	19.14	2.94	
Tidak baik	16.68	4.09	
Susunan tempat tinggal (F=4.055, p=0.020*)			
Satu generasi	16.30	3.99	
Dua generasi	18.93	3.23	
Tiga generasi	18.39	3.37	
Sokongan sosial (F=2.805, p=0.043*)			
Tiada sokongan	18.50	2.20	
1-10 sokongan	16.72	3.59	
11-20 sokongan	18.68	4.11	
> 21 sokongan	18.91	2.21	

**Signifikan pada nilai p=0.001; *Signifikan pada nilai p=0.005

Seterusnya, kajian ini telah melakukan Ujian Regresi Linear bertujuan untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan hidup warga emas di Seri Kembangan, Selangor. Berpdanuan kepada variabel yang signifikan dalam kedua-dua

jadual di atas, tujuh variabel telah dikenalpasti sebagai variabel tidak bergantung (*Independent variabel*) iaitu tahap pendidikan, bilangan anak, saiz isi rumah, status perkahwinan, status kesihatan, susunan tempat tinggal dan sokongan sosial.

Manakala variabel bergantung (*dependent variable*) pula terdiri daripada skor kepuasan hidup yang diperoleh responden. Hasil regresi menunjukkan bahawa daripada tujuh variabel yang diuji, hanya empat variabel sahaja yang menyumbang kepada kepuasan hidup responden ($R^2=0.223$, $p=0.000^{**}$).

Variabel tersebut terdiri daripada status kesihatan, tahap pendidikan, bilangan anak dan sokongan sosial. Dengan ini ternyata jenis susunan tempat tinggal tidak mempengaruhi kepuasan hidup responden (Jadual 3).

JADUAL 3. Ujian Regresi Linear

Variabel	Kepuasan hidup ($R^2=0.223$; $F= 4.754$, $df=7$, $p=0.000^{**}$)	
	B	Sig.
Tahap pendidikan	1.197	.007*
Status perkahwinan	0.386	0.557
Bilangan anak	1.363	0.012*
Saiz isi rumah	0.555	0.248
Status kesihatan	-1.428	.002*
Susunan tempat tinggal	-.256	.671
Sokongan sosial	0.797	0.018*

*Signifikan pada nilai $p=0.005$

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga jenis susunan tempat tinggal warga emas di Seri Kembangan, Selangor iaitu tinggal bersama satu generasi sahaja, tinggal bersama dua generasi dan tinggal bersama tiga generasi. Lebih separuh (51.6%) daripada warga emas di dalam kajian ini tinggal bersama tiga generasi dalam satu kediaman yang sama, diikuti oleh tinggal bersama dua generasi (32.3%) dan tinggal dalam satu generasi (6.1%). Ini menunjukkan bahawa hampir 84% daripada warga emas di Seri Kembangan masih tinggal bersama anak-anak. Peratusan ini adalah lebih tinggi daripada jumlah dua pertiga warga emas yang tinggal bersama anak-anak seperti yang disebut di dalam kajian DaVanzo dan Chan (1994). Faktor-faktor seperti saiz isi rumah, status perkahwinan, bilangan anak dan jantina didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan jenis susunan tempat tinggal di kawasan ini. Keputusan kajian menunjukkan bahawa semakin besar saiz isirumah, semakin ramai warga emas yang tinggal bersama dua dan tiga generasi. Dari segi status perkahwinan, warga emas yang tidak pernah berkahwin didapati kurang tinggal dalam dua dan tiga generasi berbanding warga emas yang berkahwin. Sebaliknya lebih ramai warga emas yang bercerai atau kematian pasangan tinggal bersama tiga generasi. Begitu juga dengan bilangan anak, semakin tinggi bilangan anak, semakin ramai warga emas yang tinggal bersama dua dan tiga generasi dan kebanyakannya mereka adalah warga emas wanita. Hasil kajian ini mengukuhkan lagi

dapatkan kajian lepas yang menyatakan bahawa faktor sosioekonomi yang berbeza memberi kesan kepada kecenderungan pilihan susunan tempat tinggal. Walau bagaimanapun kajian ini tidak mengkaji sebab mendalam tentang mengapa warga emas memilih untuk tinggal bersama isirumah sekarang. Justeru, adalah dicadangkan agar kajian akan datang mengambil kira sebab pilihan susunan tempat tinggal warga emas di masukkan ke dalam kajian. Dari segi demografi, kajian ini membuktikan bahawa walaupun Seri Kembangan terletak tidak jauh daripada ibukota negara, namun warga emas di kawasan ini masih lagi mengamalkan ciri-ciri warga emas luar bandar iaitu tinggal dalam pelbagai generasi. Ini bermakna struktur keluarga luas masih kuat diamalkan di kawasan ini. Walaupun proses urbanisasi pesat membangun, namun proses tersebut tidak banyak memberi kesan kepada jenis susunan tempat tinggal di kawasan yang dikaji. Oleh itu, dicadangkan agar segala perancangan, pembangunan dan program yang ingin diwujudkan di kawasan tersebut perlu mengambil kira hubungan intergenerasi sediada. Sebagai contoh, sekiranya pihak perancang bandar ingin membangunkan kemudahan rekreasi di kawasan ini, maka kemudahan dan fasiliti yang disediakan perlulah mempunyai kemudahan dan fasiliti untuk orang muda dan orang tua.

Kebanyakan warga emas di sini mempunyai tahap kepuasan hidup yang tinggi terutama dalam kalangan warga emas yang tinggal bersama dua generasi dan tiga generasi. Ini membuktikan bahawa tinggal bersama generasi berbeza adalah lebih baik

berbanding tinggal bersendirian. Hasil kajian ini menyokong dapatan kajian selain Lowenstein dan Katz (2005) di atas yang mengatakan bahawa warga emas yang tinggal bersama generasi kedua dan ketiga memiliki kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding warga emas yang tinggal bersendirian.

Dari segi sokongan sosial pula, didapati hampir 68% daripada warga emas di Seri Kembangan memperolehi 11-25 jenis sokongan yang disenaraikan. Walau bagaimanapun, tiada perbezaan signifikan di antara sokongan sosial yang diterima dengan jenis susunan tempat tinggal warga emas. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak kira warga emas tersebut tinggal dalam berapa generasi tetapi sokongan yang diterima tidak berbeza. Keadaan ini menyokong teori sokongan sosial yang menunjukkan bahawa sekiranya warga emas itu mempunyai interaksi dan hubungan yang kuat, maka mereka berpotensi untuk menerima sokongan dan bantuan meskipun warga emas tersebut tinggal berseorangan.

Dari segi kepuasan hidup pula, didapati status kesihatan, bilangan anak, tahap pendidikan, susunan tempat tinggal dan sokongan sosial mempunyai perbezaan min yang signifikan dengan kepuasan hidup warga emas di Seri Kembangan. Faktorfaktor ini selari dengan dapatan kajian lepas. Malah faktor kesihatan juga didapati menjadi penyumbang paling penting kepada kesejahteraan hidup warga emas diikuti oleh tahap pendidikan, bilangan anak dan sokongan sosial. Warga emas yang mempunyai persepsi kesihatan baik dan sangat baik mempunyai min tahap kepuasan hidup lebih tinggi berbanding warga emas yang mempunyai persepsi kesihatan tidak baik, semakin ramai bilangan anak yang dimiliki oleh warga emas, maka semakin tinggi tahap kepuasan hidup mereka. Begitu juga dengan tahap pendidikan dan sokongan sosial. Semakin tinggi tahap pendidikan dan bilangan sokongan sosial yang diterima, didapati semakin tinggi purata tahap kepuasan hidup warga emas di Seri Kembangan. Walau bagaimanapun, dari segi susunan tempat tinggal, didapati warga emas yang tinggal bersama anak mempunyai min kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding susunan tempat tinggal yang lain. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Kooshiar et al. (2012).

Ujian Regresi juga mendapati faktor-faktor ini menyumbang kepada kepuasan hidup warga emas kecuali susunan tempat tinggal. Dapatan ini menyangkal dakwaan Pala (2005) dan Chen (2001) yang menyatakan bahawa susunan tempat tinggal

merupakan komponen penting kepada kesejahteraan warga tua.

Oleh yang demikian, untuk meningkatkan kepuasan hidup warga emas negara, maka pihak kerajaan perlulah meningkatkan capaian kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, memberikan pendidikan yang lebih tinggi, menggalakkan pemilikan anak yang ramai serta meningkatkan sokongan sosial kepada warga emas terutama yang tinggal bersendirian agar kepuasan hidup mereka dapat ditingkatkan.

Secara keseluruhannya, kajian ini boleh dijadikan asas kepada penyelidik untuk mendalami jenis susunan tempat tinggal warga tua. Sungguhpun begitu, hasil kajian ini tidak dapat menggambarkan kehidupan warga tua Malaysia secara menyeluruh. Ini kerana bilangan kes kajian ini adalah kecil dan temubual yang dijalankan hanya berjaya diperoleh daripada penduduk yang memberikan kerjasama sahaja. Justeru, kajian ini mencadangkan agar kutipan data yang lebih menyeluruh dilakukan bagi membolehkan gambaran susunan tempat tinggal warga tua di Malaysia dapat dijelaskan dengan lebih tepat.

ACKNOWLEDGEMENT

Geran kajian ini bertajuk “Susunan Tempat Tinggal: Implikasi kepada Kesejahteraan Warga Emas” Adalah di bawah Skim (RUGS), yang dibiayai sepenuhnya oleh Universiti Putra Malaysia (No. projek: 06-01-09-0651RU).

RUJUKAN

- Abu-Bader, Soleman, H, Rogers, Anissa, dan Barusch, Amdana, S. 2003. Predictors of life satisfaction in frail elderly. *Journal of Gerontological Social Work* 38(3): 3-17.
- An, Ji-Young, An, Kyungeh, O'connor, Linda, dan Wexler, Sharon. 2008. Life satisfaction, self-esteem, dan perceived health status among elder Korean women: Focus on living arrangements. *Journal of Transcultural Nursing* 19(2):151-160.
- Brick, Y. dan Lowenstein, A. 2011. Ageing in place. *Home Care for Frail Older Adults: Issues, Services dan Programs*: 40-64.
- Chen, C. 2001. Aging dan life satisfaction. *Social Indicators Research* 54(1): 57-79.
- Chu, CY Cyrus, Xie, Yu, dan Yu, Ruoh Rong. 2011. Coresidence with elderly parents: A comparative study of southeast China dan Taiwan. *Journal of Marriage dan Family* 73(1):120-135.

- DaVanzo, Julie, dan Chan, Angelique. 1990. Living arrangements of older Malaysians: Who coresides with their adult children? *Demography* 31(1): 95-113.
- Engelhardt, G.V., Gruber, J., dan Perry, C. D. 2002. Social Security dan elderly living arrangements: National Bureau of Economic Research Cambridge, Mass., USA.
- Ho, S. C., Woo, J., Lau, J., Chan, S. G., Yuen, Y. K., Chan, Y. K. dan Chi, I. 1995. Life satisfaction dan associated factors in older Hong Kong Chinese. *Journal of the American Geriatrics Society* 43(3): 252-255.
- Hong, Sung-Mook, dan Giannakopoulos, E. 1994. The relationship of satisfaction with life to personality characteristics. *The Journal of Psychology* 128(5): 547-558.
- Hupcey, J. E. 1998. Clarifying the social support theory-research linkage. *Journal of Advanced Nursing* 27(6): 1231-1241.
- Kooshiar, Hadi, Yahaya, Nurizan, Hamid, Tengku Aizan, Samah, Asnarulkhadi Abu, dan Jou, Vajiheh Sedaghat. 2012. Living arrangement dan life satisfaction in older Malaysians: the mediating role of social support function. *PloS one* 7(8): e43125.
- Lohr, M. J., Essex, M. J. dan Klein, M. H. 1988. The relationships of coping responses to physical health status dan life satisfaction among older women. *Journal of Gerontology* 43(2): 54-60.
- Lowenstein, A., dan Katz, R. 2005. Living arrangements, family solidarity dan life satisfaction of two generations of immigrants in Israel. *Ageing dan Society* 25(5): 749-767.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan. 2000. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000 Ciri-Ciri Isi Rumah.
- Martin, L. G. 1989. Living arrangements of the elderly in Fiji, Korea, Malaysia, dan the Philippines. *Demography* 26(4): 627-643.
- McCamish-Svensson, C., Samuelsson, Gi., Hagberg, B., Svensson, T. dan Dehlin, O. 1999. Social relationships dan health as predictors of life satisfaction in advanced old age: results from a Swedish longitudinal study. *The International Journal of Aging dan Human Development* 48(4): 301-324.
- Pala, J. 2005. Aliran Penuaan Penduduk di Malaysia (M. Department Of Statistics, Trans.) *Monograph Series*: Department Of Statistics, Malaysia.
- Pavot, Wi., Diener, E. D., Colvin, C. R. dan Sdanvik, E. 1991. Further validation of the Satisfaction with Life Scale: Evidence for the cross-method convergence of well-being measures. *Journal of Personality Assessment* 57(1): 149-161.
- Pollen, A. 2001. Living arrangements of older persons. *Living arrangements of older persons: critical issues dan policy responses*. 42, from <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.42.8093&rep=rep1&type=pdf>
- Rostam, K., dan Ismail, W. M. W. 1997. Pola interaksi sosial di kawasan perumahan terancang di Bandar Baru Bangi. *Akademika* 50(1):5-14.
- Silverstein, M., Cong, Z., dan Li, S. 2006. Intergenerational transfers dan living arrangements of older people in rural China: Consequences for psychological well-being. *The Journals of Gerontology Series B: Psychological Sciences dan Social Sciences* 61(5): 256-266.
- Sixsmith, D. dan Sixsmith, J. 2008. Ageing in place in the United Kingdom. *Ageing International* 32(3): 219-235.
- Tsuya, N. O. dan Martin, L. G. 1992. Living arrangements of elderly Japanese dan attitudes toward inheritance. *Journal of Gerontology* 47(2): 45-54.
- United Nations. 2005. *Living Arrangements of Older Persons Around the World* (Vol. 240). New York: United Nations Publications.
- Zakaria, S. M., Kadir, N. B. Y. A. dan Subhi, N. 2017. Is the meaning of life satisfaction from the perspectives of middle-aged career women in Hulu Langat, Selangor consistent with Islamic perspective? *Akademika* 87(2):14-24.
- Zakaria, S. M., Ba'yah Ab Kadir, N., Subhi, N., dan Ismail, K. 2015. The predictors of life satisfaction among middle-aged Malay women in Hulu Langat, Selangor. *Akademika* 85(2):28-34.

Norisma Aiza binti Ismail (corresponding author)
 Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
 Universiti Putra Malaysia
 43400 Serdang, Selangor
 Malaysia
 Email: norisma@upm.edu.my

Received: 15 August 2018

Accepted: 30 May 2020